



جياتن كحاكيمن شرعية هليسيا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-25/24/5
Takwim : 6 Zulkaedah 1421H
Tarikh : 31 Januari 2001

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN No. 8 TAHUN 2000

Saman Gantian secara Iklan

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1/2000 pada 11 Mei 2000 di Kota Baharu Kelantan dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 16 pada 26 Jun 2000 bersamaan 26 Rabiulawal 1421 di Kota Kinabalu Sabah telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan bagi tujuan penyelarasan amalan saman gantian secara Iklan di mahkamah syariah di seluruh negara. Mulai dari 1 Mac 2001, Iklan bagi Saman Gantian selain di akhbar yang meluas penyebarannya dan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pihak yang dimaksudkan, hendaklah juga dipaparkan di papan kenyataan mahkamah, masjid dan bangunan-bangunan lain yang munasabah sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh perbicaraan.

(Dato' Sheikh Ghazali bin Hj Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Kuala Lumpur
18 Disember 2000